

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, March 24, 2019 8:25 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: #scimpaseronok Bentuk Budaya Kerja Mantap



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

24 MAC 2019 / 17 REJAB 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Berita dan gambar oleh: SCIMPA

#SCIMPASERONOK BENTUK BUDAYA KERJA MANTAP



UUM ONLINE: Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA) telah mengadakan satu program semangat bekerja berpasukan bertemakan #scimpaseronok di Mat Leon Village dan Taman Negara, baru-baru ini.

Program tersebut melibatkan seluruh kakitangan akademik, bakat dan pentadbiran SCIMPA yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara semua kakitangan pelbagai latar belakang di SCIMPA, di samping membentuk budaya kerja berpasukan yang mantap selain menambahkan lagi ilmu pengetahuan dan pengalaman berkenaan dengan kepimpinan.

Dekan SCIMPA, Dr. Ahmad Hisham Zainal Abidin berkata, “Kesemua aktiviti yang dilakukan memerlukan ketahanan minda, mental dan fizikal yang tinggi, di samping melatih kakitangan untuk tidak mudah berputus asa dalam melakukan sesuatu tugas yang diberikan.

“Dalam banyak keadaan, semua perlu bersatu hati, berfikir di luar kotak serta mencari idea yang kreatif agar tugas dapat dilaksanakan dengan sempurna dan betul, justeru saya berharap program seperti ini dapat melahirkan rasa kekeluargaan serta keserakanan di kalangan peserta,” katanya.

Pengarah Unit Creative Arts and Commercial Events (CACE) yang merangkap Pengarah Program, Prof. Madya Dr. Adzrool Idzwan berkata, pemilihan tema #scimpaseronok kerana ia selari dengan budaya kerja di SCIMPA.

Menurutnya, walaupun staf SCIMPA sentiasa berdepan dengan situasi yang mencabar, kerjasama yang erat dan kesabaran yang tinggi akan dapat menghasilkan budaya seronok bekerja.

“Saya sangat bersyukur kerana program ini berjalan dengan lancar dan berharap agar ia dapat menjadi program tahunan SCIMPA selepas ini,” katanya.

Pengisian taklimat tentang Taman Negara serta kisah hidup penuh pancaroba oleh Mat Leon, pengusaha Mat Leon Village telah membuka tirai program ini, diikuti pengisian akademik oleh Prof. Madya Dr. Kamarudzaman Isa @ Md.Isa dan Dr. Basharudin Abdul Hadi berkisar tentang penyelidikan kreatif serta kemahiran berfikir di luar kotak.

Turut diadakan adalah pelbagai aktiviti lasak seperti kayaking, rapid boat, menaiki Bukit Teresek, merentas Lata Berkoh, mengenali Perkampungan Orang Asli dan diakhiri dengan sesi muhasabah serta berbeku.

Taman Negara telah digazetkan sebagai hutan simpan seluas 4,343 km persegi dan menyimpan khazanah hidupan liar sejak lebih 130 juta tahun lalu.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.